

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12.2 Jld. 4 (68)

12 Februari 2026

24 Syaaban 1447

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 5/2026

PENUBUHAN PEJABAT KUALITI DAN TRANSFORMASI DIGITAL SERTA PENYUSUNAN SEMULA STRUKTUR JABATAN CANCELERI

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil.2/2026 pada 22 Januari 2026 telah meluluskan cadangan penubuhan **Pejabat Kualiti dan Transformasi Digital** di bawah Jabatan Canseleri berkuat kuasa mulai 1 Mac 2026.

2. Objektif utama penubuhan pejabat ini adalah bagi memastikan semua inisiatif berkaitan kualiti perkhidmatan dan transformasi digital Universiti dapat dirancang, diselaras dan dipantau di peringkat strategik, selari dengan aspirasi UTM sebagai Universiti Penyelidikan bertaraf global serta memenuhi aspirasi dasar nasional.

3. Pejabat Kualiti dan Transformasi Digital ini akan diketuai oleh seorang Penolong Naib Canselor (Kualiti dan Transformasi Digital) dan merangkumi tiga (3) pusat utama yang diketuai oleh Pengarah masing-masing, iaitu:

- i. **Pusat Infrastruktur Digital:** Memberi tumpuan kepada pemodenan infrastruktur ICT, keselamatan siber, dan penyediaan perkhidmatan digital yang stabil.
- ii. **Pusat Penyelesaian Digital:** Menguruskan tadbir urus data, pembangunan sistem aplikasi teras, dan integrasi sistem bagi menyokong keputusan berasaskan data (*data-driven university*).
- iii. **Pusat Kualiti dan Transformasi Perkhidmatan:** Bertanggungjawab ke atas Sistem Pengurusan Kualiti (SPK), pembangunan *Enterprise Architecture* (EA), pembudayaan kualiti, dan pemantauan perkhidmatan berprestasi tinggi.

4. Penubuhan Pejabat Kualiti dan Transformasi Digital ini turut melibatkan proses penyelarasan struktur dan fungsi organisasi dari Jabatan di bawah ke Pejabat Kualiti dan Transformasi Digital seperti berikut :

Jabatan Asal	Fungsi
Jabatan Perkhidmatan Digital	Keseluruhan Fungsi Jabatan Perkhidmatan Digital
Unit Perkhidmatan Berprestasi Tinggi, Bahagian Pengurusan Organisasi, Jabatan Pendaftar	<i>High Performance Delivery</i> (CSI, ESI, <i>Mystery Shopping</i> , Piagam Pelanggan, SLA)

Jabatan Asal	Fungsi
Unit Pendigitalan Perkhidmatan & Sistem Pengurusan Kualiti (SPK), Bahagian Pengurusan Organisasi, Jabatan Pendaftar	Pengurusan Transformasi Digital, Pengurusan Inovasi, Pengurusan Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK), Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Universiti & Pembudayaan Kualiti

5. Semua warga Universiti diminta untuk mengambil maklum berkenaan penubuhan Pejabat Kualiti dan Transformasi Digital.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' DR. MOHD SHARIL BIN ABDULLAH)
Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah